

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PENILAIAN AKHIR AMALI
SESI II : 2023 / 2024**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 10193
APLIKASI KOMPUTER PERNIAGAAN**

MASA: 2 JAM

SOALAN TERBUKA

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** soalan.
2. Rubrik Pemarkahan disediakan.
3. Jawab semua soalan.
4. Tarikh edaran soalan bermula Minggu 13 dan pelaksanaan amali perlu dilaksanakan pada hari peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **LIMA (5)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan

BAHAGIAN A

[100 markah]

ARAHAN:

1. Tugas ini adalah tugas praktikal individu.
2. Penilaian tugas ini adalah menggunakan Rubrik Pemarkahan.
3. Pelajar perlu menghantar *link* capaian untuk semua tugas **[Soalan (a) – (d)]** di dalam **Google Sheets** yang telah disediakan oleh pensyarah.

SOALAN

Anda merupakan seorang kerani jualan kepada Syarikat Future Tech Enterprise. Syarikat anda menyediakan perkhidmatan membekal peralatan komputer dan ICT. Antara tugas anda di syarikat adalah menguruskan dokumen perniagaan supaya sentiasa dikemaskini.

- a) Anda dikehendaki menyediakan senarai peralatan komputer dan ICT seperti di Lampiran A menggunakan **Google Sheets**. Namakan dokumen tersebut **Senarai Peralatan_Nombor Pendaftaran Pelajar**.

Dokumen anda hendaklah mengikut format berikut:

- i. Tulisan : *Arial Narrow*
- ii. Saiz tulisan : 12
- iii. Tajuk : *Uppercase* dan *Bold*

- b) Sediakan dokumen sebutharga bagi bekalan peralatan komputer dan ICT ke Sekolah Kebangsaan Taman Indah seperti di Lampiran B dengan menggunakan **Google Docs**. Namakan dokumen tersebut **Sebutharga_Nombor Pendaftaran Pelajar**.

Dokumen anda hendaklah mengikut format berikut:

- i. Tulisan : *Arial*
- ii. Saiz tulisan : 12pt
- iii. Page setup : A4, *Portrait*

- c) Bagi mempromosikan perniagaan syarikat, anda dikehendaki merekabentuk **SATU (1)** poster perniagaan menggunakan aplikasi **PosterMyWall**. Namakan dokumen tersebut **Poster Perniagaan_Nombor Pendaftaran Pelajar**.

Maklumat poster perniagaan perlu mengandungi maklumat berikut:

- i. Nama syarikat
- ii. Maklumat perniagaan (logo / lokasi syarikat / jenis perniagaan)
- iii. Gambar produk
- iv. Nombor untuk dihubungi
- v. QR code senarai peralatan (**Google Sheets**)

- d) Untuk memperkenalkan syarikat kepada bakal pelanggan, anda dikehendaki merekabentuk **SATU (1)** kad perniagaan (*business card*) dengan menggunakan aplikasi **Canva**. Namakan dokumen tersebut **Business Card_Nombor Pendaftaran Pelajar**.

Maklumat kad perniagaan perlu mengandungi maklumat berikut:

- i. Nama dan jawatan
- ii. Maklumat perniagaan (logo / alamat syarikat / jenis perniagaan)
- iii. Nombor untuk dihubungi

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab

LAMPIRAN A

	A	B	C	D
1	FUTURE TECH ENTERPRISE			
2	SENARAI PERALATAN KOMPUTER DAN ICT			
3				
4	BIL	ITEM	PERINCIAN	HARGA (RM)
5	1	KOMPUTER DESKTOP	- 13th Generation Intel Core i5 processor - 8 GB DDR4-3200 MHz RAM	3,999.00
6	2	KOMPUTER RIBA	- AMD Ryzen 5 Processor - 16 GB DDR4-3200 MHz RAM	5,199.00
7	3	PENCETAK INKJET	- Print, scan, copy - Approx. 10 sec / 16 sec	399.00
8	4	PENCETAK LASER	- Print quality : Up to 1200 x 1200 dpi - Max memory : 64MB	899.00
9	5	PENCETAK DOT MATRIX	- Print speeds of up to 487 cps (10cpi) 128KB memory buffer	2,299.00
10	6	PENGIMBAS / SCANNER	- Resolusi imbasan : 1200 dpi - A4, Letter	159.00
11	7	PROJEKTOR LCD	- Light Output : 4000 Lumen - Resolution : 800 x 600 (SVGA)	3,599.00

LAMPIRAN B

SEBUTHARGA

NO: FTE/QUO/2024-001

Tarikh : 17 April 2024

Future Tech Enterprise
1011 Jalan Sultan Ismail
50100 Kuala Lumpur
W.P. Kuala Lumpur

No. Tel : 03-2324990
E-mail : future_tech@gmail.com

Guru Besar
Sekolah Kebangsaan Taman Indah
Jalan Sultan Salahuddin
50480 Kuala Lumpur
W.P. Kuala Lumpur

Tuan,

SEBUTHARGA PERKHIDMATAN MEMBEKAL PERALATAN KOMPUTER DAN ICT DI SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN INDAH

Bersama-sama ini disertakan sebutharga seperti berikut:

BIL	PERKARA	JUMLAH PESANAN	HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
1	Komputer Desktop	5	3,999.00	19,995.00
2	Pencetak Laser	2	899.00	1,798.00
3	Projektor LCD	3	3,599.00	10,797.00
			JUMLAH	32,590.00

Ringgit Malaysia : Tiga Puluh Dua Ribu Lima Ratus Sembilan Puluh Sahaja

Sekian, terima kasih

.....
(FUTURE TECH ENTERPRISE).....
(PENERIMA)